

## **METODE BERAKSI DALAM KEMAHIRAN BERTUTUR BAHASA ARAB: KAJIAN RINTIS DI MADRASAH ALSAGOFF AL-ARABIAH, SINGAPURA**

Saadiah Bte Pavidor  
saadiah\_pavidor@alsagoff.edu.sg  
Madrasah Alsagoff Al-Arabiah

### **Abstrak**

Untuk menguasai sesuatu bahasa, seseorang itu perlu memiliki empat kemahiran asas iaitu kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Namun dalam realiti pembelajaran Bahasa Arab, aspek pertuturan seringkali menjadi cabaran kerana pelajar berasa tidak yakin, tidak fasih dan kurang perbendaharaan kata. Justeru itu, kertas kerja ini akan membahas bagaimana penerapan beraksi dalam kemahiran bertutur dapat merangsang minat pelajar terhadap Bahasa Arab. Kajian ini merupakan penilaian lapangan bersifat deskriptif kualitatif dengan menggunakan metode observasi, wawancara serta dokumentasi dalam kalangan pelajar tahun satu di Madrasah Alsagoff Al-Arabiah, Singapura. Hasil dari penelitian ini menunjukkan metode beraksi dalam kemahiran bertutur dapat merangsang, sehingga menjadikan pembelajaran Bahasa Arab lebih menyeronokkan. Oleh itu, kajian ini dijangka dapat merangsang minda pelajar sekaligus meningkatkan keyakinan mereka dalam pembelajaran Bahasa Arab khususnya dari aspek pertuturan.

Kata Kunci: Metode beraksi, kemahiran bertutur, Madrasah Alsagoff Al-Arabiah, Singapura.

### **1.0 PENDAHULUAN**

Secara am, bahasa dipelajari untuk tujuan komunikasi. Ia selaras dengan objektif pembelajaran Bahasa Arab yang turut menekankan kepentingan aspek ini kerana ia merupakan salah satu faktor asas dalam pemahaman al-Quran sehingga membolehkan seseorang bertutur dan membaca dengan baik (Mohd. Ramzi Omar 1994). Hal ini kerana, bila seseorang sudah dapat menguasai bahasa maka proses pembentukan konsep berlaku dengan lebih pesat (Atan Long, 1988). Namun Bailey (2005) berpendapat bahawa kemahiran bertutur adalah satu kemahiran yang sukar dipelajari kerana praktikal komunikasi lisan amat terhad di dalam bilik darjah dan jarang digunakan di luar sesi pembelajaran. Keadaan ini membuatkan pelajar tidak dapat mempraktikkan apa yang telah mereka pelajari di dalam kelas dalam aktiviti harian mereka. Walau bagaimanapun, Ashinisa Aladdin (2012) menyatakan bahawa penggunaan strategi komunikasi yang berkesan dapat membantu pelajar melengkapkan kekurangan dan menggalakkan mereka untuk terus berkomunikasi walaupun mereka mempunyai linguistik yang terhad. Justeru, kertas kerja ini bertujuan untuk mengupas bagaimana penerapan beraksi sangat membantu dalam mencapai kemahiran pelajaran dalam bertutur Bahasa Arab.

### **2.0 LATARBELAKANG KAJIAN**

Madrasah Alsagoff Al-Arabiah dipilih sebagai latar dalam kajian lapangan ini. Hal ini kerana, ia merupakan antara institusi pengajian yang telah bertapak di Singapura seawal tahun 1912 (Majalah Assirat, 1982). Selain itu, ia juga sangat menitik beratkan pelajaran Bahasa Arab

malah pendidikan Bahasa Arab telah didedahkan seawal peringkat tahun satu. Kesan dari itu, pencapaian lepasan pelajar Madrasah Alsagoff Al-Arabiah dilihat setiasa cemerlang walau di mana sahaja institusi pengajian tinggi yang mereka sertai (Majalah “Our Heritage, Our pride” 2012).

Namun, tinjauan awal mendapati pelajar menganggap Bahasa Arab sebagai satu subjek yang sukar sebelum mereka menjejaki tahun satu lagi. Walaupun pelajar telah melalui proses penilaian sebelum layak mendapat tempat di sekolah tersebut, kemahiran yang ada pada mereka hanya berkisar pada asas pembacaan dan bukan perbendaharaan kata. Situasi ini dikhuatiri bakal menimbulkan perasaan takut dan kurang minat terhadap subjek ini. Justeru, guru selaku pembimbing perlu memperkenalkan cara menguasai kosa kata Bahasa Arab dengan lebih segar dan berkesan. Dengan itu, ia memudahkan pelajar untuk memahami, mengingat dan akhirnya menghubungkan beberapa perkataan mudah supaya menjadi ayat yang ringkas dan jelas.

Dalam hal ini, setiap topik baharu yang didedahkan pada pelajar perlu diselitkan dengan metode beraksi bagi membantu melancarkan penguasaan pertuturan pelajar. Teknik pembelajaran aktif ini dijangka dapat menimbulkan situasi pembelajaran yang mengembirakan dan menyeronokkan.

### **3.0 METODE BERAKSI DALAM KEMAHIRAN BERTUTUR BAHASA ARAB**

Pergerakan adalah satu faktor penting bagi perkembangan mental kanak-kanak. Dengan perkembangan ini kanak-kanak dapat meneroka dan mencuba pelbagai keadaan sebagai respon terhadap alam sekeliling (Atan Long, 1988)

Responden dalam kajian ini merupakan pelajar tahun satu yang terdiri daripada kelompok yang sentiasa terdorong dan minat bermain. Ia juga merupakan aktiviti utama dalam perkembangan kanak-kanak dari aspek fizikal, intelektual, sosial dan emosi (Mak Soon Sang, 2005). Justeru, metode beraksi dalam kemahiran bertutur bahasa Arab diterapkan supaya pelajar mudah mengingat pelajaran yang disampaikan. Hal ini kerana, objektif akhir pembelajaran adalah untuk menguasai konsep dan memahami maklumat dan seterusnya diaplikasikan dalam kehidupan (Syed Ismail bin Syed Mustapa dan Ahmad Subki Bin Miskon, 2010).

### **4.0 PENERAPAN BERAKSI DALAM KEMAHIRAN BERTUTUR BAHASA ARAB**

Elemen permainan perlu diterapkan dalam proses pembelajaran kerana ia terbukti baik dan sangat berkesan untuk menghilangkan kebosanan sekaligus membawa keseronokan serta mengurangkan ketegangan dalam pembelajaran (Mok Soon Sang, 2008).

Melalui aktiviti beraksi, proses kemahiran bertutur dalam Bahasa Arab dapat diaktifkan secara langsung dan pelajar akan terangsang untuk bercakap dalam Bahasa Arab. Walaupun bahasa yang mereka gunakan sangat mudah dan tidak menggunakan stuktur ayat, ia sudah memadai sebagai permulaan untuk berani bertutur dan yakin terhadap perbendaharaan kata yang dimiliki.


Metode yang diperkenalkan kepada pelajar dalam merealisasikan pembelajaran ‘beraksi’ adalah dengan mengikuti tiga langkah asas seperti berikut:

- melihat gambar atau imej;
- menyebut perkataan yang merujuk pada gambar atau imej;
- melakukan aksi terhadap perkataan yang dimaksudkan;

Dengan melihat gambar yang terdapat pada bahan bacaan, pelajar memproses maklumat ke minda untuk memahami imej yang dilihat, seterusnya menyebut perkataan yang tertera serta menghubungkannya dengan melakukan aksi terhadap perkataan yang dimaksudkan sebagai tanda pelajar memahami dan menguasai perkataan yang dipelajari.

Bagi memberi gambaran yang lebih jelas, tajuk “ā ḍ ’aul Jismi” (anggota badan) telah dipilih sebagai sampel yang dipetik dari buku “Haiya Arabiah” terbitan Madrasah Alsagoff Al-Arabiah yang digunakan bagi peringkat tahun satu.

Jadual : “ ā ḍ ’aul Jismi”  
(Sumber dari buku “Haiyah Ilal Arabiah” )



No.	Langkah 1	Langkah 2	Langkah 3
	Melihat Imej	Menyebut Perkataan	Melakukan Aksi
1	Kepala	رأس : R 'asun	Memegang kepala
2	Rambut	شعر : Sh 'run	Membuat aksi pegang rambut
3	Muka	وجه : Wajhun	Menyentuh muka
4	Dahi	جبهة Jabhatun-	Mengerutkan dahi
5	Bibir	فم Famun-	Memuncungkan bibir
6	Gigi	سن Sinnun	Menampakkan gigi
7	Dagu	ذقن Dhnun	Memegang dagu
8	Kaki	رجل Rijlun-	Mengangkat kaki

Perbendaharaan kata yang terdiri dari anggota badan yang dipelajari ini diterapkan dengan elemen beraksi sepanjang proses pembelajaran. Ia juga membantu meningkatkan kemahiran bertutur pelajar sebagai permulaan yang berkesinambungan hingga ke tahun dua. Secara mudahnya, apabila pelajar melangkah ke tahun dua, tiada kesulitan bagi pelajar untuk mengingat dan menambah perbendaharaan kata yang lain kerana proses beraksi dan pengulangan telah diterapkan di tahun satu.

## 5.0 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian lapangan berbentuk deskriptif kualitatif. Rakaman temu bual dilakukan langsung pada pelajar tahun satu. Enam orang responden dipilih dari kalangan 35 pelajar yang terdapat di tahun satu tersebut terdiri daripada para pelajar perempuan Madrasah Alsagoff Al-Arabiah dan mereka dipilih secara rawak.

Secara keseluruhan, terdapat tiga bahagian utama yang dikemukakan iaitu berkaitan (i) motivasi dan minat sebelum belajar, (ii) respon terhadap metode beraksi dan (iii) penilaian berkaitan metode yang diaplikasikan. Untuk bahagian pertama, (i) kesukaan terhadap bahasa Arab dan sebabnya serta (ii) kemudahan mempelajari bahasa Arab dan sebabnya telah dikemukakan. Manakala bahagian kedua menyentuh respon pelajar terhadap metode beraksi yang telah dijalankan dalam sesi pembelajaran. Bahagian ketiga pula merupakan penilaian di mana pengkaji menguji pelajar dengan soalan berkaitan perbendaharaan kata dalam silibus yang telah dipelajari.

Kesesuaian dalam membentuk soalan yang dikemukakan telah diteliti untuk menjamin pelajar menjawab soalan dengan mudah sesuai dengan aras pengetahuan mereka yang berada pada tahun satu. Selain itu, ia juga berfungsi sebagai daya penggerak agar pelajar dapat terus belajar secara efektif apabila guru dapat (i) mengukur pencapaian dan kebolehan mereka, (ii) menilai pengajaran dan pembelajaran (iii) mengesan punca kelemahan atau keupayaan mereka, dan (iv) melihat sejauh mana pengajaran berhasil.

## 6.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan yang diterima melalui temu bual yang dilakukan adalah bertepatan dengan pepadanan soalan yang direka mengikut tahap kemampuan pelajar tahun satu. Secara keseluruhan, semua responden yang ditemu bual memberikan jawapan yang baik dan sangat memberikan kerjasama.

### **Pertama : Suka Pelajaran Bahasa Arab**

Semua responden memberikan jawapan yang sama iaitu suka pada pelajaran Bahasa Arab. Daripada enam responden, empat menyatakan kesukaan pada Bahasa Arab disebabkan sayang pada guru yang mengajar. Seorang daripada mereka menyatakan kerana seronok manakala baki seorang lagi menjelaskan bahawa pembelajaran yang menyeronokkan telah dapat menarik minatnya untuk suka dan bersemangat mempelajarinya.

Responden	Alasan	Faktor
1	sayang pada guru	Pembimbing
2		
3		
4		
5	seronok	Emosi
6	Pembelajaran yang menyeronokkan	Persekitaran

Berdasarkan jadual di atas, terdapat tiga faktor yang menyumbang pada kesukaan pelajar iaitu (i) pembimbing, (ii) emosi dan (iii) persekitaran. Justeru, penting bagi guru selaku pembimbing menyemai minat pelajar sebelum pembelajaran dimulakan, memastikan emosi pelajar bersedia sepanjang proses pembelajaran dan mewujudkan persekitaran dan suasana yang menyeronokkan sewaktu penyampaian berlangsung.

### **Kedua : Senang tidak belajar Bahasa Arab**

Kesemua responden memberikan jawapan yang sama iaitu mempelajari Bahasa Arab adalah sangat mudah. Menariknya, setiap daripada mereka memberi penerangan yang berbeza apabila ditanya sebab di sebalik jawapan 'mudah' yang diberikan. Jadual berikut adalah perinciannya:

Responden	Alasan	Faktor
1	sebab ustazah nak buat kita pandai.	Pembimbing
2	sebab saya suka Ustazah Saadiah.	
3	sebab kita selalu belajar “ ā ḍ ’aul Jismi “	Metod - Penguksuhan
4	sebab kita selalu belajar “ ā ḍ ’aul Jismi “	
5	sebab tiap hari ana belajar.	
6	pasal kita senang hafal.	Metod - Beraksi

Dua orang responden merasakan guru menjadi penyebab subjek ini mudah dipelajari. Berdasarkan jawapan pelajar, niat guru dan minat pada guru mampu menyebabkan Bahasa Arab lebih mudah difahami dan dicerna dengan baik. Seterusnya, metode beraksi juga memudahkan pembelajaran seperti yang dinyatakan oleh responden keenam selain aplikasi metode penguksuhan dan pengulangan yang dilakukan selepas sesi pembelajaran.

### **Ketiga : Respon tentang metode beraksi**

Apabila responden ditanya kefahaman mereka tentang metode beraksi yang diaplikasi dalam pembelajaran, jawapan yang diterima adalah berlainan antara satu sama lain, seperti berikut:

Responden	Alasan	Faktor
1	suka sebab belajar pasal “ ā ḍ ’aul Jismi “	Minat pada tajuk
2	sebab lebih senang ingat	Mudah Ingat
3	kita selalu belajar macam mana nak buat	Pergerakan
4	suka sebab senang nak ingat	Mudah Ingat
5	sebab kita sebut sambil buat action	Pergerakan
6	pasal untuk kita hafal dan ingat.	Mudah Ingat

Berdasarkan data yang diperolehi, tajuk juga memainkan peranan dalam memastikan metode beraksi ini berjaya dilaksanakan. Ia terbukti dengan kenyataan responden pertama di mana tajuk yang diajar bersesuaian dengan minatnya untuk mengetahui perkataan dan seterusnya menuturkan perkataan tersebut. Selain itu, faktor pergerakan dan mudah mengingat merupakan kelebihan yang dirasakan oleh responden yang lain. Ia juga menepati objektif metod beraksi di mana aspek pergerakan ditekankan untuk kelangsungan mengingati perkataan yang dipelajari.

### **Keempat : Soalan Penilaian tentang Perbendaharaan Kata “ ’A ḍ ’aul Jismi “.**

Dalam bahagian ini, responden telah ditanya tentang kosa kata perkataan yang dipelajari. Pengkaji secara rawak tanpa mengikut susunan telah menunjukkan gambar anggota badan yang terdapat dalam silibus dan mereka perlu menjawab dengan padanan perkataan yang betul.

Semua responden dapat menjawab dengan baik, pantas dan tepat. Sebagai tambahan data, terdapat seorang responden yang membuat aksi sambil menyebut pancaindera yang ditunjukkan. Hal ini menunjukkan keberkesanan dan pengaruh metode beraksi dalam kemahiran bertutur Bahasa Arab.

## 7.0 RUMUSAN

Hasil dari dapatan dan respon pelajar sewaktu temu bual adalah:

1. Suka dan minat pada subjek Bahasa Arab ditentukan oleh beberapa faktor seperti pembimbing, emosi dan persekitaran ketika sesi pembelajaran berlangsung.
2. Kejayaan pembelajaran asas bertutur ditentukan oleh metode yang diaplikasi oleh pembimbing iaitu metode beraksi dan elemen pengukuhan.
3. Secara keseluruhan, pelajar faham dan menyedari bahawa metode beraksi menggunakan aspek pergerakan untuk tujuan memudahkan hafalan perbendaharaan kata dan mengukuhkan pertuturan asas dalam komunikasi.
4. Tajuk yang bersesuaian dengan tahap pemikiran dan perkembangan pelajar mampu menjadikan pembelajaran lebih menarik dan menyeronokkan.
5. Dalam apa juga bentuk pembelajaran, pengukuhan adalah sangat penting bagi memastikan pembelajaran dapat diteruskan dengan mudah pada peringkat seterusnya.

## 8.0 CADANGAN

Kajian ini hanya menumpukan pada metode beraksi bagi tujuan pengumpulan kosa kata pelajar untuk memudahkan pertuturan Bahasa Arab. Justeru, beberapa cadangan yang dapat diusulkan adalah seperti berikut:

1. Guru harus mengambil sikap proaktif dengan mendedahkan pelajar pada strategi asas komunikasi yang berbeza. Hal ini supaya pelajar lebih bermotivasi dan terdorong untuk bertutur dalam Bahasa Arab.
2. Guru harus mempelbagaikan aktiviti komunikasi dalam pengajaran Bahasa Arab. Aktiviti boleh dilakukan secara individu, berpasangan atau kumpulan.
3. Guru perlu mewujudkan suasana bertutur dalam Bahasa Arab semasa mengajar. Cara ini untuk membiasakan pelajar mendengar dan memberi respon pada perkataan Bahasa Arab.
4. Sekiranya pelajar tidak faham dengan penerangan atau arahan yang disampaikan dalam Bahasa Arab, elakkan dari menterjemah ke Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Guru hendaklah semampunya membantu pelajar dengan beraksi pada perkataan yang dimaksudkan.
5. Guru perlu mempelbagaikan teknik pengajaran dengan memperkenalkan metode beraksi dalam kemahiran bertutur, supaya dapat membantu pelajar bertutur walaupun di luar bilik darjah dengan yakin.
6. Guru harus sentiasa memberikan pelajar rangsangan bahawa mereka mampu bertutur dalam Bahasa Arab yang baik walaupun itu merupakan bahasa kedua bagi mereka.

## 9.0 KESIMPULAN

Melalui pengumpulan data yang diperolehi dari observasi, wawancara dan dokumentasi, pelajar didapati suka dan minat terhadap Bahasa Arab. Metode beraksi yang diaplikasi dalam kemahiran asas bertutur Bahasa Arab pula dilihat mampu menarik minat mereka dalam komunikasi seharian. Walaupun pada awalnya pelajar menganggap pelajaran Bahasa Arab agak sukar, strategi pembelajaran yang betul dan sesuai mampu menjadikan subjek ini menyeronokkan. Justeru, untuk terus mengekalkan minat dan kesukaan pelajar, beberapa faktor telah dikenal pasti seperti pemilihan tajuk yang sesuai dengan tahap, mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan, merangsang pertuturan dengan komunikasi yang mudah serta melaksanakan aktiviti pengukuhan. Strategi ini haruslah diteruskan sehingga

pelajar yakin dan merasakan subjek ini sangat mudah untuk dipelajari dan dipraktikkan. Diharap kajian ini dapat memberikan informasi, panduan dan sumbangan idea terhadap pengajaran Bahasa Arab melalui “Metode Beraksi dalam Kemahiran Bertutur Bahasa Arab”.

## 10.0 RUJUKAN

- Abbas Bin Mohd Shariff, Ph.D. (2003). Pendidikan: Satu Panduan Praktis, Alfa Media Singapura.
- Abdul Azhim Bin Badawai al-Khalafi. (serial baru ke 218). 40 Karakteristik mereka yang dicintai Allah, Darul Haq, Jakarta.
- Abdullah Nashih Ulwan (1990). Pedoman Pendidikan anak-anak dalam Islam, Jilid 1-2. Cetakan kedua. C.V. Toha Putra, Semarang, Indonesia.
- Atan Long (1993). Pedagogi: Kaedah am pengajaran. Cetakan kedua. Amiza Publishing Sdn. Bhd, Petaling Jaya, Malaysia.
- Atan Long (1998). Psikologi Pendidikan. Cetakan keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Bailey.K.M.(2005). Pratical English Languange Teaching, Speking. New York, Mc Graw Hill.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi dan Parilah M. Shah (2010). Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Kemahiran Lisan Bahasa Arab di Universiti Teknologi Mara (UiTM).
- Madrasah Alsagoff Al-Arabiah. (1982). Majalah Assirat. Madrasah Alsagoff Al-Arabiah. Singapura.
- Madrasah Alsagoff Al-Arabiah. (2016). Haiya Ilal Arabiah Jilid 1-2. Putaka Nasional, Singapura.
- Mohd Ramzi Omar. (1994). Kaedah dan Teknik pengajaran menurut Ibn Khaldun dan Al-Qabisi, Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Mok Soon Sang. (2008). Psikologi Pendidikan dan Pedagogi Murid dan alam Pelajar. Penerbitan Multimedia SDN. BHD. Puchong, Selangor.
- Nadwah Daud dan Nadhilah Abdul Pisal. (2014). Pertuturan Dalam Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Noraini Idris. (2010). Penyelidikan dalam Pendidikan, McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd, Kuala Lumpur.
- Nurcholish Madjid. (1984). Khazanah Intelektual Islam. P.T Bulan Bintang, Jakarta.
- Sidek Baba. (2006). Pendidikan Rabbani mengenal Allah melalui dunia. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Karya Bestari Sendirian Berhad, Shah Alam, Selangor.
- Zauwiah Abidin. (2015). Penggunaan Huruf Yā’ dalam Sintaksis Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Madrasah Alsagoff Al-Arabiah, Singapura. Sarjana Falsafah. Universiti . Teknologi Malaysia.